

ANUGERAH INSENTIF PENDIDIKAN **

Insentif Pendidikan adalah program untuk menghargai dan memberi ganjaran kepada anak-anak anggota koperasi yang mencapai keputusan yang cemerlang dalam bidang akademik.

Anugerah yang ditetapkan:-

TAHAP RENDAH DAN MENENGAH

| Jenis Peperiksaan | Pencapaian | Insentif |
|-------------------|---------------|----------|
| UPSR | 6A atau lebih | RM400.00 |
| SPM | 9A atau lebih | RM600.00 |

TAHAP TINGGI

| Jenis Peperiksaan | Pencapaian | Insentif |
|----------------------------------|---|----------|
| Universiti Umum (IPTA sahaja) | Surat tawaran universiti ATAU Surat UPU yang disahkan | RM800.00 |

Syarat-syarat:-

1. Anugerah ini hanya terbuka kepada anak-anak anggota koperasi yang berkelayakan, status pembiayaan anggota hendaklah aktif dan tidak mempunyai rekod akaun tidak berbayar (NPL).
2. Calon yang berkelayakan (Tahap Rendah dan Menengah) dikehendaki mengemukakan keputusan yang disahkan sebagai bukti. Penyerahan adalah tidak melebihi empat puluh lima (45) hari selepas pengumuman keputusan peperiksaan.
3. Calon universiti (Tahap Tinggi) dikehendaki menyerahkan surat tawaran daripada universiti atau surat yang disahkan oleh UPU (terhad kepada calon universiti umum sahaja).
 - i. Permohonan hanya boleh dibuat selepas tarikh pendaftaran di IPTA yang memberi tawaran.
 - ii. Keputusan peperiksaan atau kemasukan IPTA tidak boleh melebihi 1 tahun dari tarikh semasa
4. Semua dokumen hendaklah disahkan (Mykad ahli, sijil kelahiran anak, Mykad anak, salinan sijil keputusan peperiksaan dan salinan surat tawaran universiti (IPTA))

* Kelulusan bagi setiap permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara pihak pengurusan.

**Berkuat kuasa dari 29 Ogos 2017